



INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC BUSINESS

<http://e-journal.uum.edu.my/index.php/ijib>

How to cite this article:

Suffarruddin, S.H., Mohd Anim, N.A.H., & Mohd Najib, N. (2024). Pelaksanaan Inovasi Dalam Program Homestay: Ke Arah Destinasi Mesra Muslim. *International Journal of Islamic Business*, 9(2), 1-10. <https://doi.org/10.32890/ijib2024.9.2.1>

PELAKSANAAN INOVASI DALAM PROGRAM HOMESTAY: KE ARAH DESTINASI MESRA MUSLIM

Suhaida Herni Suffarruddin^{*a}, Nur Aqilah Hazirah Mohd Anim^b, Najwa Mohd Najib^c

^{a,b,c}Faculty of Economics and Mualamat, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

^aCorresponding Author: suhaidaherni@usim.edu.my

Received: 29 November 2022

Revised: 17 Oktober 2024

Accepted: 17 Oktober 2024

Published: 31 December 2024

ABSTRACT

Destinasi pelancongan mesra Muslim bukan sahaja menjadi lokasi tarikan bagi pelancong beragama Islam, malah turut popular dalam kalangan pelancongan lain yang berminat untuk menerokai keunikan Islam. Keterujaan pelancong memilih destinasi sebegini membuka peluang kepada pengusaha pelancongan di Malaysia melaksanakan inovasi terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk program homestay yang terkenal dengan pelancongan budaya. Inisiatif menuju ke arah Homestay Mesra Muslim dilihat berpotensi menyumbang kepada penjanaan pendapatan industri pelancongan di Malaysia. Namun, persekitaran yang mencabar menyebabkan pengusaha perlu lebih berinovasi agar kekal berdaya saing di peringkat global. Menariknya, analisis tinjauan literatur turut mendedahkan bahawa inovasi adalah penting dalam pembangunan program homestay. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menerokai pelaksanaan inovasi dalam program homestay yang secara langsung menyumbang kepada konsep homestay mesra Muslim. Temu bual mendalam telah dijalankan dengan penyelaras bagi lapan buah program homestay di Semenanjung Malaysia bagi mendalami aspek inovasi. Hasil kajian mendedahkan bahawa inovasi yang dilaksanakan merangkumi empat elemen iaitu privasi dan keselamatan, kemudahan dan persekitaran, serta kebersihan dan keselesaan. Penemuan ini amat bermanfaat kepada pemain industri sebagai penanda aras dalam merancang strategi pembangunan program homestay. Selain itu, konsep homestay mesra Muslim ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada pertumbuhan pelancongan budaya di Malaysia. Ini dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan inovasi adalah penting dan bermanfaat bukan sahaja terhadap pengusaha homestay malah kepada pelancong daripada Malaysia dan seluruh dunia.

Kata kunci: Destinasi mesra muslim, inovasi, program homestay, pelancongan luar bandar.

IMPLEMENTATION OF INNOVATION IN HOMESTAY PROGRAMS: TOWARDS MUSLIM-FRIENDLY DESTINATIONS

ABSTRACT

Muslim-friendly tourism destinations are not only attractive to Muslim travelers but also popular among other tourists interested in exploring the uniqueness of Islam. The enthusiasm of tourists in selecting such destinations has opened opportunities for tourism entrepreneurs in Malaysia to innovate in the products and services offered, including the well-known homestay programs, which are closely linked to cultural tourism. The initiative to develop Muslim-Friendly Homestays is seen as having the potential to contribute to the growth of Malaysia's tourism industry. However, the challenging environment requires entrepreneurs to be more innovative in order to remain competitive on a global scale. Interestingly, a literature review analysis also reveals that innovation is crucial in the development of homestay programs. Therefore, this study aims to explore the implementation of innovation in homestay programs that directly contribute to the concept of Muslim-friendly homestays. In-depth interviews were conducted with coordinators from eight homestay programs in Peninsular Malaysia to understand the aspects of innovation. The findings of the study revealed that the innovations implemented encompassed four elements: privacy and security, facilities and environment, as well as cleanliness and comfort. These findings are valuable for industry players as benchmarks in planning the development strategies of homestay programs. Additionally, the concept of Muslim-friendly homestays can contribute to the growth of cultural tourism in Malaysia. In conclusion, the implementation of innovation is important and beneficial not only to homestay operators but also to travelers from Malaysia and around the world.

Keywords: Muslim-friendly destinations, innovation, homestay programs, rural tourism.

PENGENALAN

Keupayaan melaksanakan inovasi merupakan satu anjakan bagi sesebuah perniagaan untuk terus berdaya maju dalam pasaran global yang sangat kompetitif (Divisekera & Nguyen, 2018). Begitu juga dengan industri pelancongan yang menjadi salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan mempunyai daya saing yang tinggi (Backman et al., 2017). Ini termasuklah pelancongan luar bandar yang dilihat amat berpotensi sebagai destinasi yang mempunyai keunikan dan keaslian produk tersendiri meliputi keindahan alam semula jadi, kepelbagaian adat resam dan budaya tempatan (Mapjabil & Ismail, 2015). Potensi ini bertepatan dengan konsep program homestay sebagai produk pelancongan budaya yang juga merupakan salah satu pelancongan luar bandar yang begitu popular di Malaysia.

Program homestay telah diwujudkan sejak tahun 1995 bertujuan untuk menawarkan pengalaman menarik kepada pelancong (Ramele & Yamazaki, 2020) merangkumi penginapan, penyediaan makanan dan minuman, pakej aktiviti dan perusahaan produk komuniti (Suffarruddin et al., 2021). Setiap program homestay mempunyai keunikan produk tersendiri dan mereka digalakkan untuk melaksanakan inovasi bagi memenuhi permintaan dan kepuasan pelancong. Rancangan Malaysia ke-9 telah menekankan kelebihan ini sebagai satu peluang komuniti luar bandar untuk meningkatkan tahap pendapatan dan mengurangkan jurang kemiskinan (EPU, 2015). Selaras dengan itu, pelbagai aktiviti penjana ekonomi baharu wajar diketengahkan bagi memberi peluang kepada perusahaan untuk membangunkan strategi yang inovatif agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih maju (Quaye & Mensah 2018). Ini termasuklah usaha untuk menjadikan program homestay sebagai salah satu destinasi Muslim sekaligus mencapai hasrat kerajaan sebagai sebuah negara yang mendahului senarai destinasi percutian mesra Muslim terbaik untuk pelancong (Bernama, 2022).

Walau bagaimanapun, persekitaran yang semakin mencabar telah mendesak sesebuah perniagaan melaksanakan sebarang bentuk inovasi agar kekal berdaya saing di peringkat global termasuk program homestay. Namun, sejauh manakah inovasi yang telah dilaksanakan oleh pengusaha homestay dalam meralisasikan hasrat kerajaan untuk mengekalkan Malaysia di kedudukan teratas sebagai destinasi mesra muslim dan sekaligus menjadi pilihan utama pelancong. Berdasarkan kepada kajian terdahulu, tumpuan terhadap inovasi produk dalam industri pelancongan adalah terhad (Sakdiyakorn & Sivarak, 2016; Suffarruddin et al., 2021) kerana pengkaji lebih memfokuskan kepada inovasi dalam sektor pembuatan (Boachie-Mensah & Acquah, 2015; Kafetzopoulos & Psomas, 2015). Tambahan lagi, kebanyakan kajian berkaitan inovasi dalam pelancongan hanya fokus secara konsep melibatkan keperluan dan halangan kepada inovasi (Birgit et al., 2018). Di Malaysia pula, penyelidikan tentang inovasi dalam program homestay hanya melibatkan beberapa kawasan tertentu sahaja seperti penyelidikan di Negeri Sarawak (Keling & Entebang, 2017) dan Negeri Kedah (Suffarruddin et al., 2021; Hashim et al., 2015), serta tiada kajian yang melibatkan unsur destinasi mesra Muslim ditemui.

Sejajar dengan itu, pendedahan terhadap pelaksanaan inovasi sebagai usaha menuju ke arah destinasi mesra Muslim adalah wajar dan memerlukan kajian yang lebih terperinci. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menerokai pelaksanaan inovasi dalam program homestay yang dapat menyumbang ke arah destinasi mesra Muslim. Kajian ini juga dapat memberi lebih banyak pengetahuan dan pendedahan tentang inovasi dan destinasi mesra Muslim terutamanya dalam program homestay.

SOROTAN LITERATUR

Pembangunan Program Homestay di Malaysia

Di Malaysia, program homestay telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan merupakan satu produk pelancongan yang memberi pengalaman kepada pelancong mempelajari budaya dan gaya hidup yang berbeza. Berdasarkan istilah yang dikeluarkan oleh MOTAC (2022), program homestay merujuk kepada pengalaman pelancong tinggal bersama keluarga homestay, berinteraksi dan mempelajari kehidupan seharian termasuk budaya masyarakat luar bandar dengan lebih memfokuskan kepada gaya hidup, budaya dan kegiatan ekonomi. Setiap program homestay yang berdaftar akan diketuai oleh individu dikenali sebagai penyelaras dan dikendalikan bersama peserta yang terlibat. Penyelaras memainkan peranan dalam mengendalikan operasi keseluruhan program homestay, manakala peserta terdiri daripada pengusaha homestay, usahawan desa dan komuniti setempat (Keling & Entebang, 2017; Mapjabil et al., 2017).

Secara umumnya, produk pelancongan yang ditawarkan meliputi penginapan, pakej aktiviti desa dan perusahaan IKS (Suffarruddin et al., 2021; Aziz & Othman, 2015). Penginapan disediakan oleh pengusaha homestay di mana pelancong akan tinggal bersama tuan rumah dan mempelajari cara hidup keluarga tersebut, manakala pakej aktiviti desa adalah berbentuk kebudayaan, gaya hidup, aktiviti ekonomi, rekreasi dan pemuliharaan alam sekitar (MOTAC, 2022). Sementara itu, perusahaan IKS merujuk kepada produk hiliran yang dikeluarkan oleh komuniti setempat untuk dipasarkan kepada pelancong dan pasaran luar (Suffarruddin et al., 2021; Ismail, 2015).

Data yang diperoleh daripada MOTAC (2020) menunjukkan berlakunya peningkatan kedatangan pelancong sebanyak 115% pada tahun 2019 berbanding 2011. Peningkatan ini membuktikan bahawa program homestay semakin mendapat tempat sebagai destinasi pelancongan popular dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa. Namun, peratusan ini menurun sebanyak 82% pada tahun 2021 berbanding 2019 ekoran penutupan sektor ekonomi berikutan penularan wabak pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak tahun 2020. Walau bagaimanapun, menjelang September 2021 kerajaan telah

mengumumkan pembukaan semula sektor pelancongan bagi beberapa destinasi secara berperingkat dan telah disambut baik oleh MOTAC Malaysia dengan mengambil langkah proaktif untuk membenarkan aktiviti pelancongan sebagai tarikan pelancong termasuklah program homestay. Oleh itu, bagi membantu negara untuk mencapai pembangunan semula yang lebih baik, program homestay sewajarnya mengambil peluang untuk merealisasikan usaha kerajaan menjadikan Malaysia kekal sebagai destinasi terbaik mesra Muslim untuk pelancong.

Destinasi Mesra Muslim

Keunikan pengalaman pelancong merupakan aspek paling penting dalam mewujudkan pembaharuan bagi sebuah destinasi. Pada masa kini, pelancongan berkonsepkan mesra muslim dan Syariah telah menjadi trend dalam ekonomi global dan juga tarikan utama pelancong yang boleh ditawarkan dalam pasaran pelancong (Santoso et al., 2021). Ini melibatkan semua aspek termasuk penginapan, makanan dan minuman, kewangan serta produk dan gaya hidup. Menurut Jalasi et al. (2020), bagi kebanyakan umat Islam, pematuhan kepada prinsip agama adalah perkara yang paling penting dalam aspek penginapan semasa melancong. Sebagai umat Islam, mereka wajib mematuhi garis panduan halal dan haram dalam kehidupan seharian termasuk ketika dalam perjalanan. Bertepatan dengan trend gaya hidup baharu, banyak negara mula memperkenalkan produk pelancongan mereka berkonsepkan mesra Muslim.

Destinasi mesra Muslim bukan sahaja menjadi tarikan utama pelancong beragama Islam, malah kini telah semakin popular dalam kalangan pelancong berbeza agama yang berminat untuk meneroka keunikan Islam. Minat pelancong yang semakin bertambah ini menawarkan peluang kepada pengusaha untuk melakukan perubahan terhadap konsep pelancongan di Malaysia, khususnya program homestay yang merupakan salah satu produk pelancongan budaya. Tambahan lagi, konsep homestay mesra Muslim dilihat berupaya menyumbang kepada penjaan pendapatan industri pelancongan di Malaysia. Sejar dengan itu, pengusaha homestay sewajarnya mempertingkatkan inovasi terhadap penginapan yang ditawarkan agar setanding dengan penginapan mesra muslim yang lain. Berdasarkan kajian Rashidi et al. (2015) terhadap program homestay di Selangor, terdapat beberapa kriteria persekitaran binaan Islam yang telah dikenal pasti perlu dipertimbangkan, diaplikasikan dan diamalkan. Antaranya adalah kualiti penginapan daripada segi kemudahan dan keperluan yang disediakan kepada pelancong; kebersihan dan sanitasi homestay serta kawasan sekitar; dan keselamatan homestay dan pelancong. Memandangkan kajian sebegini masih terhad, ini menunjukkan tiada pengukuran yang tepat digunakan oleh pengkaji terdahulu untuk menilai kriteria destinasi mesra muslim dalam program homestay. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada penerokaan terhadap pelaksanaan inovasi dalam program homestay yang menyumbang ke arah konsep destinasi mesra Muslim.

METODOLOGI

Bagi mencapai tujuan kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan dengan menjalankan temu bual bersemuka separa berstruktur untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam dan terperinci (Creswell 2014). Kaedah ini juga selari dengan cadangan sarjana terdahulu bagi menjawab persoalan bagaimana pelaksanaan inovasi (Sakdiyakorn & Sivarak 2016), khususnya dalam program homestay (Hashim et al. 2015). Oleh itu, kajian ini dimulakan dengan pemilihan sampel berdasarkan senarai program homestay yang berdaftar di bawah MOTAC Malaysia dan memenuhi kriteria berikut:

1. Program homestay yang telah ditubuhkan melebihi 10 tahun.
2. Program Homestay dengan mempunyai sekurang-kurangnya 10 operator berdaftar.
3. Program homestay yang masih beroperasi dan aktif menerima pelancong.
4. Program homestay yang masih menawarkan pakej aktiviti desa.

Jadual 1.

Latar belakang Program Homestay

Penyelaras	Tahun Beroperasi	Bilangan Pengusaha	Bilangan Pelancong
Homestay A	18 tahun	46	10,961
Homestay B	18 tahun	20	1,871
Homestay C	14 tahun	33	7,726
Homestay D	18 tahun	20	7,668
Homestay E	18 tahun	12	94,283
Homestay F	23 tahun	25	9,151
Homestay G	17 tahun	19	41,375
Homestay H	13 tahun	11	3,030

Dalam kajian ini, penyelaras merupakan individu yang dipilih sebagai responden untuk menjawab semua soalan kerana mereka mempunyai banyak maklumat berkaitan pembangunan program homestay. Tambahan pula, penyelaras dilantik berdasarkan pengalaman yang luas dalam tadbir urus kampung dan memainkan peranan dalam meningkatkan ekonomi setempat (Mapjabil et al. 2017). Temu bual yang dijalankan telah direkodkan dan seterusnya data dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan dan dikategorikan mengikut tema dan sub tema yang sesuai.

PENEMUAN KAJIAN

Berdasarkan hasil temu bual, didapati pelaksanaan inovasi ke arah destinasi mesra Muslim boleh dikategorikan dalam tiga kriteria iaitu privasi dan keselamatan, kemudahan dan persekitaran, serta kebersihan dan keselesaan.

Privasi dan Keselamatan

Dalam usaha memastikan pelancongan homestay setaraf dengan destinasi mesra Muslim, inovasi paling ketara dilakukan adalah dengan memperkenalkan konsep kampungstay. Pembaharuan ini merupakan konsep penginapan yang disediakan untuk pelancong tinggal secara berasingan daripada tuan rumah. Menurut Penyelaras Homestay C dan H:

“Menjelang era selepas 5 ke 10 tahun, penginapan telah berubah ke arah kampungstay. Terdapat binaan beberapa buah bilik di sebelah rumah homestay.

“Kita telah membina sebuah rumah yang mempunyai lapan bilik di dalamnya. Jika pengunjung yang datang berkeluarga atau ramai, mereka boleh tinggal di situ”.

Dapatan menunjukkan kebanyakan pengusaha homestay telah membina konsep penginapan sebegini sama ada menyediakan bilik atau sebuah rumah untuk pelancong. Inovasi ini telah dilakukan secara berperingkat sebagaimana dinyatakan oleh Penyelaras Homestay F:

“Dahulu di kampungstay itu, asalnya adalah hutan. Pada tahun 2010, terdapat bangunan hijau sahaja. Kemudian, rumah tradisional, kabin dan kolam dibina secara perlahan-lahan dan akhirnya siap pada tahun 2016. Dengan mengumpul modal yang ada selama tujuh tahun, sekarang boleh dapat 40 bilik”.

“Terdapat pelbagai jenis bilik diperbuat daripada kayu dan juga berbentuk kabin. Kita menyediakan bilik standard dan keluarga. Jadi, pelancong boleh memilih jenis bilik yang disukai”.

Inovasi ini merupakan salah satu permintaan pelancong terutamanya yang beragama Islam dan mereka lebih memilih untuk menetap di kampungstay berbanding dengan tuan rumah kerana inginkan privasi. Ini membuktikan inovasi mempelbagaikan jenis penginapan yang lebih menarik merupakan inisiatif ke arah menjadikan homestay sebagai destinasi mesra Muslim. Ini dibuktikan dalam gambarajah di bawah:



Selain itu, penambahbaikan terhadap penyediaan bilik air di dalam setiap penginapan homestay merupakan antara inovasi yang turut dilakukan oleh sebilangan pengusaha. Menurut Penyelaras Homestay C:

“Bilik air perlu disediakan di dalam bilik untuk memudahkan pelancong menggunakannya”.

Pelancong boleh menggunakan bilik air tersebut secara persendirian tanpa perlu berkongsi dengan tuan rumah atau pelancong lain. Penyelaras Homestay D turut menyentuh tentang penambahbaikan ini sebagai usaha menjaga batas agama daripada segi aurat antara pelancong dan keluarga tuan rumah. Ini berdasarkan kenyataan:

“Jika bilik air di luar, pelancong agak kurang selesa untuk keluar dan masuk. Jika dalam bilik, mereka boleh pergi ke tandas pada bila-bila masa tanpa perlu berjalan jauh dan lebih privasi”.

Usaha ini selari dengan pengusaha Homestay A, B, E dan H yang majoritinya telah menyediakan bilik air di dalam setiap ruang penginapan. Pelancong juga akan berasa lebih selamat dan dapat mengelakkan sebarang bentuk perkara yang tidak diingini berlaku kerana semua kemudahan disediakan dalam bilik penginapan mereka. Ini menunjukkan selain daripada ruang penginapan yang lebih privasi, inovasi ini juga dapat menjaga aurat antara tuan rumah dan pelancong serta keselamatan semua pihak.

Fasiliti dan Persekitaran

Penyediaan fasiliti yang lengkap dan persekitaran yang selesa merupakan aspek penting dalam penginapan pelancong. Antara inovasi yang turut dilakukan terhadap penginapan homestay adalah pemasangan penyaman udara di dalam bilik. Menurut penyelaras Homestay A, ramai pengusaha telah melakukan inovasi ini untuk memberi keselesaan terutamanya kepada pelancong luar negara yang mempunyai perbezaan cuaca. Penyelaras Homestay A berkata:

“Pengusaha memasang sendiri penyaman udara mengikut kemampuan. Hampir 80 peratus bilik telah mempunyai penyaman udara yang kebiasaannya menjadi pilihan pelancong daripada bandar dan luar negara”.

Inovasi ini selari dengan Homestay B, C, D dan H. Namun, berbeza dengan Homestay F dan G di mana terdapat minoriti sahaja pengusaha yang melakukan inovasi ini.

Selain itu, pelbagai bentuk inisiatif turut dilaksanakan oleh pengusaha homestay dalam menyediakan keperluan tambahan bagi menjamin keselesaan pelancong seperti pemasangan pemanas air, peti sejuk dan air mineral yang tidak disediakan sebelum ini. Ini berdasarkan kenyataan penyelaras Homestay E,

“Keperluan di dalam bilik telah ditambah iaitu dengan menyediakan barang keperluan sebagaimana yang terdapat dalam hotel supaya pelancong berpuas hati”.

Penambahbaikan ini sejajar dengan keperluan pelancong yang bukan sahaja memerlukan tempat untuk bermalam, malah keperluan asas yang penting untuk kegunaan seharian. Ini turut disokong oleh responden Homestay A, B, C, D, F dan H yang telah melengkapi ruang penginapan mereka. Contohnya, Penyelaras Homestay A dan B menyatakan:

“Kita telah buat penambahbaikan dalam bilik dengan menambah barangan keperluan seperti air mineral, pemanas air dan kopi”.

“Kita telah menyediakan selimut dan tuala yang berkualiti dan bersih berbanding sebelum ini”.

Kenyataan ini turut disokong oleh responden Homestay C supaya memudahkan pelancong membancuh minuman mereka sendiri.

Kebersihan dan Keselesaan

Program homestay juga didapati turut memfokuskan kepada peningkatan tahap kebersihan bilik untuk keselesaan pelancong di samping menyediakan persekitaran yang kondusif. Ini dibuktikan apabila Penyelaras Homestay D menegaskan bahawa:

“Keadaan bilik untuk pelancong perlu lebih baik daripada bilik pengusaha sendiri”.

Antara penambahbaikan yang dilakukan adalah sebagaimana diterangkan oleh Penyelaras Homestay A iaitu:

“Setiap pengusaha telah mempelajari cara untuk memasang dan melipat cadar. Jadi, mereka telah melaksanakannya dan bilik menjadi semakin kemas dan teratur”.

Penjelasan ini selari dengan inovasi Homestay B dan E yang turut meningkatkan kekemasan terhadap ruang penginapan yang disediakan. Selain itu, Penyelaras Homestay B, C, E, F dan G pula menceritakan tentang tahap kebersihan yang turut dipertingkatkan. Menurut Penyelaras Homestay E:

“Bilik tersebut tidak perlu sampai lima bintang, yang paling penting ianya perlu bersih. Masa awal dahulu, kita sediakan bilik ala kadar sahaja. Apabila pengusaha dihantar menjalani kursus dan belajar bab kebersihan, sekarang mereka akan sentiasa memastikan selimut perlu bersih, cadar dan tuala sentiasa diganti dan karpet tidak berhabuk”.

Pengusaha dipertanggungjawabkan untuk melakukan aktiviti pembersihan dengan lebih kerap termasuk mencuci dan mengganti kelengkapan di dalam bilik. Usaha ini dikatakan mampu memberikan pengudaraan yang lebih selesa kepada pelancong.

Sementara itu, didapati Homestay H pula melakukan penambahbaikan dengan mengecat semula bahagian luar dan dalam rumah bagi memperlihatkan suasana persekitaran yang kemas. Menurut Penyelaras:

“Kita diberi peruntukan memilih tiga warna cat. Sekarang ini, semua rumah nampak seragam dan kelihatan seperti baharu”.

Ini dapat meningkatkan kualiti penginapan yang lebih ceria sekaligus memberi keterujaan kepada pelancong. Selain itu, Penyelaras Homestay C juga menekankan:

“Pemeriksaan bilik air dilakukan secara lebih kerap supaya sentiasa bersih dan wangi. Sabun juga perlu selalu diganti baharu”.

Ini selari dengan kenyataan Penyelaras Homestay D dan E yang masing-masing menjelaskan tentang usaha mencantikkan tandas termasuklah tahap kebersihan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian, isu utama yang diketengahkan dalam program homestay adalah kesediaan pengusaha melaksanakan inovasi bagi memenuhi kriteria destinasi mesra muslim. Penemuan kajian mendapati beberapa kriteria yang bertepatan dengan konsep Islam telah diberi keutamaan dalam inovasi penginapan mereka meliputi privasi dan keselamatan, fasiliti dan persekitaran, dan kebersihan dan keselesaan. Di samping itu, masalah (masalah) utama yang ditemui mendorong kepada melaksanakan inovasi ini adalah melibatkan komunikasi (muamalat) antara tuan rumah dan pelancong. Kajian mendapati pelancong menghadapi kesukaran daripada segi privasi dan keselamatan mereka kerana perlu berkongsi ruang seperti bilik air dan urusan keluar masuk rumah. Ini juga melibatkan isu pengasingan antara pelancong lelaki dan wanita termasuk tuan rumah sehingga menyebabkan pergerakan terhad dan tiada privasi. Di samping itu, tuan rumah juga perlu sedar tentang keselamatan tetamu di mana kawasan sekeliling rumah perlu selamat dan tidak mengganggu kawasan kejiranan supaya dapat mengelakkan salah laku (maksiat) oleh penceroboh.

Selain itu, kemudahan yang mencukupi juga penting bagi memberi persekitaran yang selesa. Penyediaan kemudahan di dalam bilik dapat membataskan komunikasi yang keterlaluan antara pelancong dan tuan rumah. Suasana ini juga dapat memelihara dan mewujudkan persekitaran Islamic di mata pelancong. Begitu juga dengan isu kebersihan di mana tuan rumah perlu mengetahui tahap kebersihan (nazhofah) yang terbaik untuk pelancong. Ini merupakan satu cabaran kepada tuan rumah dalam menitik beratkan kebersihan semasa menyediakan penginapan terutamanya melibatkan bilik air kerana ianya melambangkan penyucian jiwa (tazkiyatun nafs). Secara keseluruhannya, inisiatif pengusaha lebih tertumpu kepada tahap kesedaran untuk mewujudkan suasana destinasi mesra muslim yang menjadi pilihan utama pelancong.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, untuk menjadikan program homestay ke arah destinasi mesra Muslim, kriteria dalam konteks Islam wajar dipertimbangkan, diaplikasi dan diamalkan. Kriteria ini meliputi tiga aspek yang boleh menyumbang kepada destinasi mesra Muslim untuk pelancongan homestay iaitu; privasi (sirriyyah) dan keselamatan (salaamah), fasiliti dan persekitaran (biiah), dan kebersihan (nazhofah) dan keselesaan. Kriteria ini berupaya mendorong pengusaha homestay menjadi lebih berinovatif bagi menarik pelancong mengunjungi program homestay sebagai salah satu destinasi mesra Muslim yang mempunyai ekosistem dalam muamalat, taaruf, tazkiyatun nafs, aurah serta ikhtilat. Hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pemain industri sebagai penanda aras dalam merancang strategi pembangunan program homestay. Tambahan lagi, konsep homestay mesra Muslim di Malaysia berupaya menyumbang kepada pertumbuhan pelancongan budaya. Dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan inovasi dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan iaitu pengusaha homestay dan pelancong domestik dan seluruh dunia.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau mana-mana organisasi bukan keuntungan.

RUJUKAN

- Aziz, Y.A. & Othman, M. (2015). Persepsi komuniti tempatan terhadap program homestay di Malaysia. Dalam Mapjabil J. (Eds), *Program Homestay dan Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia* (pp. 78-101). Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Backman, M., Klaesson, J., & Öner, Ö. (2017). Innovation in the hospitality industry: Firm or location? *Tourism Economics*, 23(8), 1591-1614.
- Bernama, (2022). Malaysia kekal destinasi percutian mesra Muslim terbaik. *Harian Metro*, Retrieved from: <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2022/06/847949/malaysia-kekal-destinasi-percutian-mesra-muslim-terbaik>
- Birgit, P., Mike, P. & Chung-Shing, C. (2018). Needs, drivers and barriers of innovation: The case of an alpine community-model destination. *Tourism management perspectives*, 25, 53-63.
- Boachie-Mensah, F. & Aquah, I.S.K. (2015). The effect of innovation types on the performance of small and medium-sized enterprises in the Sekondi-Takoradi Metropolis. *Archives of Business Research*, 3(3), 77-98.
- Creswell, J.W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Ed.). Harlow: Pearson.
- Divisekera, S., & Nguyen, V. K. (2018). Determinants of innovation in tourism evidence from Australia. *Tourism Management*, 67, 157-167.
- Economic Planning Unit, EPU. (2015). Elevating B40 Households towards A Middle-Class Society. *Strategy Paper, 2. Putrajaya: Economic Planning Unit*, Malaysia: Prime Minister's Department.
- Hashim, A. M., Jamalludin, N., Nor, M. N. M., Nazrin, N., Merican, F. M. I. & Ahmad, S. S. (2015). Langkawi Homestay: Exploring an innovation aspect in homestay industry. *Journal of Tourism, Hospitality and Sports* 8, 14-19.
- Ismail, H.N. (2015). Pertimbangan kriteria asas pemilihan destinasi dalam pembangunan program homestay di Malaysia. Dalam Mapjabil J. (Eds), *Program Homestay dan Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia* (pp. 49-64). Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Jalasi, A. B., & Ambad, S. N. A. (2020). Religiosity and Muslims' intention to visit homestays: the mediating role of attitude. *Journal of Social, Humanity, and Education*, 1(1), 53-65.

- Kafetzopoulos, D. & Psomas, E. (2015). The impact of innovation capability on the performance of manufacturing companies, The Greek case. *Journal of Manufacturing Technology Management*, 26(1), 104-130.
- Keling, W., & Entebang, H. (2017). Dayak Homestay Entrepreneur's innovation characteristics. *Ottoman: Journal of Tourism and Management Research*, 2(2), 101-112.
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, MOTAC. (2020). *Laporan Statistik Program Pengalaman Homestay Malaysia*. Diakses daripada <http://www.motac.gov.my>
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, MOTAC. (2022). *Program Homestay Malaysia*. Diakses daripada <http://www.motac.gov.my>
- Kunjuraman, V., & Hussin, R. (2017). Challenges of community-based homestay programme in Sabah, Malaysia: Hopeful or hopeless? *Tourism Management Perspectives*, 21, 1-9.
- Mapjabil J. & Ismail S.C. (2015). Program homestay dan pembangunan sosioekonomi luar bandar di Malaysia. Dalam Mapjabil J. (Eds), *Program Homestay dan Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia* (pp. 27-48). Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Mapjabil, J., Ismail, S.C., Ab Rahman, B., Masron, T., Ismail, R., & Zainol, R. M. (2017). Homestays-community programme or alternative accommodation? A re-evaluation of concept and execution. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(12), 1-8.
- Quaye, D., & Mensah, I. (2018). Marketing innovation and sustainable competitive advantage of manufacturing SMEs in Ghana. *Management Decision*, 57(7), 1535-1553.
- Ramele, R., & Yamazaki, J. (2020). The Malaysian Homestay Program and the Japanese Minshuku: A comparative study. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 5(SI2), 55-60.
- Rashidi, O., Hanie, M. L. N., Saufi, M. D., Zubaidah, A. K. S., Zainul, M. B., & Syakirin, H. Y. H. K. (2015). Muslim-Friendly's Homestay in Malaysia: Issues and Challenges. *Advanced Science Letters*, 21(6), 1655-1657.
- Sakdiyakorn, M. & Sivarak, O. (2016). Innovation management in cultural heritage tourism: Experience from the Amphawa Waterfront Community, Thailand. *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 21(2), 212-238.
- Santoso, S., Widyanty, W., Fatmawati, A. A., Ubaidillah, R., & Isa, S. M. (2021). Analysis of Muslim Friendly Tourism Development in Indonesia. *Journal Ekonomi Islam*, 10(2), 17-32.
- Suffarruddin, S. H., Jaafar, M., & Rahman, S. (2021). Keupayaan Pelaksanaan Inovasi Produk dalam Program Homestay di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 61, 109-120.